

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	18/1/2017	MUKA SURAT	: 25
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN		



[FOTO FARIS ZAINUDDIN/BH]

INOVASI

Fakta nombor

RM50,000 KOS

bina mesin

2 BULAN

tempoh percubaan

Mesin pengasingan sisa pepejal pertama di Malaysia

Kota Bharu: Mesin pengasingan sisa pepejal di tapak pelupusan sampah yang pertama di Malaysia berjaya dicipta sebuah syarikat tempatan di sini, dengan kos RM50,000.

Mesin diberi nama *Affordable Waste Management and Treatment* itu adalah hasil ciptaan Pengurus Besar Kitar Pro Management, Tengku Fadhli Tengku Hamzah dan empat kakitangannya.

Tengku Fadhli berkata, mesin itu mampu mengasingkan bahan kitar semula seperti botol, kaca, plastik dan sisa makanan yang dapat ditukar daripada bahan bio jisim kepada bahan bakar alternatif.

75 peratus dikitar semula

"Kami jalankan tempoh percubaan selama dua bulan di tapak pelupusan sampah di sini dan mendapat 75 peratus daripada 100 tan sampah sarap yang dibuang di sini setiap hari berjaya ditukar kepada bahan kitar semula atau bahan bio jisim bagi kegunaan industri dalam bentuk bahan bakar alternatif.

"Jadi, baki 25 peratus yang tinggal di tapak pelupusan adalah batu, kayu atau pepejal lain yang betul-betul sisa buangan tidak dapat digunakan lagi," katanya di Tapak Pelupusan Sampah Bukit Ajil, Kok Lanas, di sini, semalam.

Yang turut hadir: Pengarah Urusan Best Tree Network, Bestari Abrar Nasiruddin, Ketua Pegawai Teknologi Best Tree Network, Nasli Abdullah dan penganalisa strategi Perniagaan Best Tree Network, Norina Ismail.

Tengku Fadhli berkata, penciptaan mesin dengan fungsi mudah alih, mesra alam, lasak dan diperbuat daripada besi tahan karat itu sesuai dengan fizikal sampah sarap tempatan yang bercampur kering dan basah.

"Mesin ini dapat mengurangkan jumlah sisa sampah di tapak pelupusan, sekali gus menjimatkan ruang dan dapat digunakan untuk jangka panjang," katanya yang mencipta mesin itu dengan kerjasama Best Tree Network.

Tengku Mohd Fadhli (tiga dari kiri) bersama Bestari Abrar (dua dari kiri) memantau sampah yang diasingkan oleh mesin pengasingan sisa pepejal sempena perasmian Mesin Aurnat Trommel di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Ajil, Kok Lanas, semalam.